

**KEDUDUKAN WALI PERKAHWINAN DALAM ISLAM:  
KAJIAN PERBANDINGAN MENURUT PANDANGAN  
EMPAT MAZHAB**

**Oleh**

**MUKHSIN NYAK UMAR**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Februari 1998**

## PENGHARGAAN

Terutama sekali dipanjangkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang membekali dan sentiasa menambahkan kesabaran serta semangat kepada diri ini dalam usaha menyiapkan tesis ini dari masa ke masa. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada yang mulia DR. Leha @ Zaleha Muhamat selaku penyelia yang banyak mengorbankan masa, tenaga dan pemikiran sejak dari mula lagi hingga kajian ini diperlengkap. Segala keikhlasan dan ketabahan hati beliau semasa menyelia dan membimbing penulis, didoakan dengan kebijakan juga daripada Allah s.w.t.

Kepada Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh dirakamkan ucapan terima kasih kerana memberi peruntukan cuti belajar untuk tujuan pengajian di USM.

Buat Universiti Sains Malaysia (USM), salam ingatan dan kesejahteraan dan doa agar namamu sentiasa harum dan dikenang atas jasa-jasamu yang begitu tinggi dan mulia, sentiasa membuka peluang kepada penagih ilmu pengetahuan, yang ingin mencuba mencari mutiara ilmu di dasar lautanmu. Terima kasih yang tidak terhingga diajukan dan dipersembahkan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) yang sentiasa meluluskan segala permohonan diri ini sebagai calon siswazah tinggi. Dan terima kasih pula dipersembahkan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) yang telah banyak membantu diri ini semasa belajar di USM. Seterusnya sekalung terima kasih juga ditujukan untuk pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Pusat Islam USM dan Perpustakaan UIA Kuala Lumpur, Hal Ehwal Pelajar yang banyak memberikan kerjasama, menolong mencari bahan-bahan yang berkait dengan kajian ini dan kemudahan penginapan

semasa penulis berada di kampus.

Pada kesempatan ini juga dirakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada bonda Halimah yang turut memberi pengorbanan sokongan dan mendoakan anakanda bagi menjayakan hasilan kajian ini.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini hanya Allah juga sebaik-baik pembalas. Wassalamu<sup>c</sup>alaykum warahmatulLāh wabarakātuh.

## KANDUNGAN

ISI	HALAMAN
PENGHARGAAN .....	ii
KANDUNGAN .....	iv
SENARAI TRANSLITERASI .....	vi
SENARAI SINGKATAN .....	viii
ABSTRAK .....	ix
ABSTRACT .....	xi

### BAB SATU PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian .....	1
1.2. Kepentingan Kajian .....	5
1.3. Tujuan Kajian .....	6
1.4. Kaedah Kajian .....	6
1.5 Skop Kajian .....	16
1.6. Organisasi Kajian .....	17

### BAB DUA RUKUN DAN SYARAT PERKAHWINAN MENURUT PANDANGAN EMPAT MAZHAB

2.1. Rukun Perkahwinan .....	19
2.2. Syarat Perkahwinan .....	28
2.3. Maksud Perkahwinan .....	58

**BAB TIGA**  
**PERWALIAN PERKAHWINAN DALAM ISLAM**

3.1.	Hikmah Perwalian Dalam Perkahwinan .....	83
3.2.	Fungsi Wali .....	90
3.3.	Urutan Wali Perkahwinan .....	100

**BAB EMPAT**  
**PENDAPAT EMPAT MAZHAB TENTANG WANITA**  
**SEBAGAI WALI PERKAHWINAN**

4.1.	Hujah Bagi Pendapat Yang Tidak Mengharuskan Wanita Sebagai Wali Perkahwinan .....	109
4.2.	Hujah Bagi Pendapat Yang Mengharuskan Wanita Sebagai Wali Perkahwinan.....	116
4.3.	Pandangan Mufassirūn Dan Muḥaddithūn Terhadap Hujah Ulama Empat Mazhab .....	127

**BAB LIMA**  
**PENUTUP**

5.1.	Kesimpulan .....	157
5.2.	Saranan .....	164
	Bahan Rujukan .....	167

## SENARAI TRANSLITERASI

### Huruf Arab

\ ب ت ث ح د ذ ر ن س ش ص ض ط ظ ع غ ف

### Transliterasi

a b t th j h kh d dh r z s sy s d t z c gh f

## Huruf Arab

## Transliterasi

ق

q

ك

k

ل

l

م

m

ن

n

و

w

ه

h

ء

,

ي

y

ة

t

## Vokal

### a. Pendek

— / — = a

— / — = i

— / — = u

### b. Panjang

\ — / — = ā

ـ / — = ī

ـ / — = ū

### c. Diftong

ـ \ — / — = ay

ـ \ — / — = aw

## SENARAI SINGKATAN

- H - Hijrah.
- Ibid - Ibidem bermaksud rujukan sama dengan yang disebutkan di atas.
- loc.cit - loco citato bermaksud rujukan yang telah disebutkan di bekalang daripada buku dan muka surat yang sama tetapi telah didahului oleh rujukan lain.
- M - Masehi.
- ms. - muka surat.
- op.cit - opere citato bermaksud rujukan yang telah disebutkan di belakang daripada buku yang sama tetapi muka surat yang berbeza dan telah didahului oleh rujukan lain.
- r.a. - radiyālLāhu ‘anhu/‘anhā.
- s.a.w. - sallalLāhu ‘alayhi wasallam.
- s.w.t. - subhānahu wa ta‘ala.
- T.T. - Tanpa Tarikh.

## ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang kedudukan wali perkahwinan dalam Islam. Suatu perkahwinan dipandang sah apabila sudah sempurna segala rukun dan syarat-syaratnya. Dan wali merupakan salah satu syarat atau rukun sahnya sebuah perkahwinan.

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab satu menjelaskan tentang kepentingan dan tujuan kajian. Sementara bab dua memfokuskan rukun dan syarat perkahwinan. Bab tiga membincangkan tentang isu perwalian perkahwinan dan diikuti dengan bab empat yang mengandungi hujah ulama empat mazhab tentang perwalian wanita, manakala bab lima memuatkan kesimpulan dan beberapa saranan.

Umumnya kesemua mazhab fiqh, bersepakat menentukan bahawa lelaki berhak menjadi wali dalam perkahwinan. Namun mereka berbeza pendapat tentang kewalian wanita. Mazhab Maliki, Syafii dan Hanbali memandang suatu perkahwinan tidak sah jika diwalikan oleh wanita. Sementara mazhab Hanafi berpendapat bahawa wanita dibolehkan menjadi wali perkahwinan. Justeru itu merupakan tujuan kajian ini untuk mengetahui serta memaparkan dalil-dalil yang digunakan empat mazhab fiqh, dalam rangka menetapkan syarat seorang wali dalam perkahwinan dan cara pemahamannya, termasuklah kedudukan wanita dalam permasalahan ini.

Pandangan mazhab Hanafi yang menyatakan wanita boleh menjadi wali dalam perkahwinan adalah pendapat terkuat dan merupakan hasil temuan kajian ini. Kerana ia paling munasabah dengan perkembangan dan kemampuan intelektual serta kemajuan zaman moden.

Oleh karena kedudukan wanita sebagai wali dalam perkahwinan merupakan suatu isu baru di dalam dunia akademik mahupun di dalam masyarakat Islam, khususnya di Timur Jauh, maka isu ini diberikan huraiyan yang mendalam pada bab empat yang menjadi bahan penemuan utama tulisan ini.

Akhirnya tesis ini mengemukakan kesimpulan dengan memasukkan hasil penemuannya disertai saranān-saranān secara ilmiah untuk kepentingan akademik dan juga kepentingan masyarakat Islam pada umumnya, terutama dalam isu perwalian perkahwinan.

# **THE STATUS OF MARRIAGE GUARDIAN IN ISLAM: A COMPARATIVE STUDY ACCORDING TO THE FOUR SCHOOLS OF THOUGHT (MAZHAB)**

## **ABSTRACT**

This study focuses on the position of the marriage guardian in Islam. A marriage is legally valid only when it has fulfilled all of its basic elements and prerequisites. The availability of a marriage is one of the required prerequisites.

This thesis is divided into five chapters. The first chapter serves to explain the importance of the research and its objectives. The second chapter focuses on the basic elements of a marriage and its prerequisites. The third chapter deals with the issue of marriage guardianship, followed by the fourth chapter which contains the arguments of the *ulama* of the four schools of thought over the issue of woman as a marriage guardian. The conclusions of the study are given in the fifth chapter together with some suggestions.

All schools of thought generally agree that a man has the right to be the marriage guardian. However they have different views regarding the guardianship of a woman. According to the Maliki, Syafi'i and Hanbali schools of thought, a marriage is invalid when the guardian is a woman. The Hanafi school of thought, however, permits a woman to be the guardian.

The aim of this study is to discuss the used by the four schools of thought in determining the prerequisites of a marriage guardian, and how they perceive the evidence. This includes the issue of the position of woman in the matter.

The study found that Hanafi's view which asserts that women are eligible to be appointed as a marriage guardian is the strongest argument given with the intellectual development and the progress of the modern age.

In view of the fact that the position of women as marriage guardian is a new issue in the academic world as well as in the Muslim society, particularly in the Far East, it is discussed in great detail in the fourth chapter and this is the main finding of this thesis.

Finally this thesis presents its conclusions with a summary of findings followed by recommendations which are of academic interest, besides being of importance to the Muslim society in general, and the issue of marriage guardian in particular.

## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Latar Belakang Kajian

Islam sebagai agama penyempurna daripada agama terdahulu bukan sahaja memberi petunjuk dalam dimensi ibadah, tetapi memberi petunjuk dalam dimensi mu‘āmalat (hukum yang mengatur hubungan antara manusia), termasuk di dalamnya bidang perkahwinan juga.<sup>1</sup> Allah berfirman:

**الْيَوْمَ أَكْلَمْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْهَىٰ عَلَيْكُمْ نَعْمَانِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا**

Bermaksud: "...Pada hari ini telah Kusempurnakan bagi kamu agamamu, dan telah Kucukupkan bagimu nikmatKu dan telah Kurelakan Islam itu menjadi agama bagimu..."<sup>2</sup>

Perkahwinan dalam Islam adalah sunnah Rasul s.a.w. yang antara lain bertujuan melanjutkan keturunan di samping memelihara manusia supaya tidak terjerumus ke dalam perbuatan zina yang dilarang oleh syara‘. Allah berfirman:

**وَلَا تَقْرِبُوا الزِّنَاء إِنَّهُ كَانَ فَاحشَةً وَسَاء سَبِيلًا**

Bermaksud: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan"<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1388H/1968M). *Al-Syārī‘at al-Islāmiyyat*. Mesir: Dār al-Kutub al-Ḥadīthat, ms. 18.

<sup>2</sup> Al-Māidat: 3

<sup>3</sup> Al-Isrā’: 32

Perkahwinan merupakan perlindungan dan pemeliharaan yang kukuh yang dapat menghalang bahaya keruntuhan moral. Melalui perkahwinan, pemikiran dan tenaga dapat dipadukan bagi menghadapi sebarang dugaan dan cabaran hidup.

Perkahwinan juga merupakan salah satu ibadah yang mendapat ganjaran yang amat besar daripada Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. menyatakan dalam sebuah hadīth seperti berikut:

...مَنْ أَنْفَقَتْ فِي هُوَلَكْ صَدَقَةً حَتَّى الْفَقَهَ تَضَعُفَهَا فِي امْرَأَتْكَ

Bermaksud: "...sebanyak manapun yang kamu belanjakan dikira sedekah, bahkan sesuap makanan yang masuk ke dalam mulut isterimu." Hadīth riwayat al-Bukhāriy.<sup>4</sup>

Dalam hadīth lain Rasulullah s.a.w. menegaskan;

النكاح من سننِي فمن لم يجعل سننِي فليس مني

Bermaksud: "Perkahwinan adalah sunnahku, sesiapa yang tidak melaksanakan perkahwinan maka orang berkenaan tidak tergulung daripada umatku." Hadīth riwayat Ibn Mājat<sup>5</sup>

Maksud-maksud hadīth di atas menerangkan bahawa peri pentingnya perkahwinan bagi tujuan kesejahteraan individu, masyarakat dan negara. Untuk itu, sewajarnya Syari'at Islam menggariskan beberapa rukun dan syarat yang pasti dipatuhi bagi menentukan sesuatu perkahwinan itu sah atau sebaliknya. Dalam hal ini

<sup>4</sup> Al-'Ayniy (T.T.). <sup>c</sup>Umdat al-Qāriy Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy. Jilid 12. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 13-14.

<sup>5</sup> Ibn Mājat (T.T.). Sunan Ibn Mājat Jilid I, Beirut: Dār al-Fikr, ms. 592.

kebanyakan ulama Fiqh seperti Imām Ḥanafīy dan Imām Mālikīy<sup>6</sup> meletakkan wali sebagai rukun atau syarat perkahwinan, berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.;

لَا نكاح إلا بولي

Bermaksud: "Tidak sah kahwin melainkan dengan adanya wali." Hadīth riwayat Abū Dāwūd.<sup>7</sup>

Sehubungan dengan itu mazhab Ḥanafi berpendapat bahawa lelaki bukanlah sebagai syarat mutlak dalam perwalian perkahwinan.<sup>8</sup> Menurut mereka perwalian secara nasab (hubungan keturunan) tidak hanya mengikut *'asabat'*<sup>9</sup> sahaja, tetapi diharuskan juga mengikut keluarga dhawi al-arḥām (keturunan menurut susunan di sebelah wanita).<sup>10</sup> Pendapat ini (mazhab Ḥanafi) disokong oleh kenyataan bahawa tidak ada nas yang jelas sama ada ayat al-Qur'an atau ḥadīth Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan kēmestian lelaki yang berhak menjadi wali dan tidak ada juga dalil yang melarang wanita menjadi wali dalam perkahwinan. Pendapat tersebut amat bersesuaian dengan perkembangan dan pencapaian kaum wanita dari sudut kemampuan intelektual,

<sup>6</sup> Al-Kāsānīy (T.T.). *Badā'i al-Ṣanā'i*, Jilid 2 Beirut: Dār al-Fikr, ms. 293; Muḥammad Ālī bin Husayn (1365H/1937M). *Qurrat al-Āyni*. Mesir: Maktabat al-Tijāriyat al-Kubrā, ms. 107; Muḥammad bin al-Khatib al-Syarbayniy (1415H/1995M). *Mughni al-Muhtāj*. Jilid 3. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 180; Ibrāhīm bin Muḥammad bin Sālim bin Dāwyān (1410H/1989M). *Manār al-Sabil Fi Syarh al-Dalīl*. Jilid 2. Beirut: Maktabat al-Islāmīy, ms. 150

<sup>7</sup> Abū Dāwūd (1910H/1990M). *Sunan Abī Dāwūd*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 463.

<sup>8</sup> Ibn al-Hammām (T.T.). *Syarh Fath al-Qadīr*. Jilid 3. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 255.

<sup>9</sup> Yang dimaksud dengan *'asabat'* adalah sama dengan *'asabat bi al-nafs* yang terdapat dalam perkara farāid iaitu keturunan menurut susunan di sebelah lelaki: lihat sub bab urutan wali berdasarkan pendapat masing-masing mazhab.

<sup>10</sup> Ibn al-Hammām, op. cit, ms. 286

pemikiran dan lain-lain, malahan terdapat juga yang lebih tinggi daripada kaum lelaki.

Ternyata hikmah Islam meletakkan wali dalam perkahwinan untuk menjaga maslahah atau kepentingan dan kebaikan *mawliyah* (seseorang wanita yang dikahwinkan). Maksud ini terdapat dalam sebuah hadith:

أَنْ جَاءَهُ بِكَرَاتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَتْ أَنْ أَبَا هَمَّا  
نَعْجَاهَا وَهِيَ كَارِهَةٌ فَخَيَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Bermaksud: "Seorang gadis mendatangi Nabi s.a.w. memberitahunya bahawa ayahnya telah mengahwinkannya sedang ia tidak suka, maka Nabi s.a.w. memberinya pilihan bagi menerima perkahwinan itu atau membatalkannya." Hadith Riwayat Abū Dāwud.<sup>11</sup>

Hal ini juga bermakna, tujuan menjaga kemaslahatan wanita tidak semestinya kerabatnya yang terdekat yang terdiri daripada kaum lelaki sahaja, malahan kaum wanita juga boleh melakukan demikian. Maka tidak peliklah mazhab Hanafi berpendirian bahawa wali boleh terdiri daripada kaum wanita.

Dari sudut lain, kaum wanita pada zaman mutakhir ini, dikatakan ramai yang mencapai kemampuan dari segi pemikiran dan tinggi daya intelektualnya. Hal ini memampukan mereka meneliti dan menilai segala kebaikan dan kebajikan bagi sesuatu perkahwinan pada zaman ini bersesuaian dengan keadaan wanita yang akan diwalikannya. Wanita sesama wanita lebih memahami masalah dan keperluan kaum sejenisnya. Mungkin ini sebagai salah satu hikmah, Islam tidak menentukan dengan tegas bahawa wali semestinya terdiri daripada kaum lelaki.

---

<sup>11</sup> Abū Dāwud, op. cit, ms. 465.

Adapun mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali bersepakat menentukan lelaki sebagai syarat wali. Tidak sah sesuatu perkahwinan yang diwalikan oleh wanita.<sup>12</sup>

Bagaimanapun kelihatannya pendapat mazhab Hanafi lebih rajih berbanding dengan pendapat jumhur ulama dan lebih membawa kepada kemaslahatan.

## 1.2. Kepentingan Kajian

Adapun kepentingan daripada kajian ini adalah:

- a. Merupakan usaha penggalian hukum Islam tentang perwalian perkahwinan yang diharuskan dan yang lebih tepat kepada maksud syari'at (menjaga maslahah mawliyah) tetapi agak kurang terkenal dari segi penggunaannya dalam kalangan umat Islam.
- b. Sebagai tambahan pengetahuan bagi setiap orang yang mendalamai bidang fiqh dan usul fiqh serta masyarakat ilmiah pada amnya dalam usaha membangkitkan dan melebarkan gerak ijтиhad yang lebih bertanggungjawab dan berguna.
- c. Menjadi bahan masukan bagi pihak yang berkepentingan atau berkeinginan melakukan rumusan-rumusan dalam ilmu fiqh.
- d. Dapat menambah keyakinan umat manusia tentang keabadian (kekalnya) syari'at Islam serta keselarasannya bagi setiap tempat dan sepanjang masa (*sālihun li kulli makān wa zamān*).

---

<sup>12</sup> Muhammad 'Alī Husayn, op. cit, ms. 112; al-Syarqawīy (T.T.). *Al-Syarqawīy 'Alā al-Tahrīr*. Jilid 2. Kāherah: Dār al-Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyat, ms. 228; Idris al-Buhūtiy (1402H/1982M). *Kasyṣyāf al-Qinā'* *'An Matan al-Iqnā'*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 53; Ibrāhim bin Muḥammad bin Sālim bin Dawyān, op. cit, ms. 151.

### **1.3. Tujuan Kajian**

Merujuk kepada permasalahan yang telah dibentangkan pada bahagian belakang maka tujuan kajian ini adalah:

- a. Untuk mengetahui dan menjelaskan dalil-dalil yang digunakan oleh empat mazhab dalam menetapkan syarat seorang wali untuk perkahwinan dan cara pemahamannya.
- b. Untuk mengetahui dan menjelaskan dasar perbezaan pemikiran mereka untuk menjadikan urutan wali perkahwinan.
- c. Untuk mengkaji hujah ulama yang mengharuskan wanita menjadi wali dalam perkahwinan.
- d. Membantu menyelesaikan masalah daripada susah mendapat wali daripada keturunan lelaki, khusus bagi wanita yang menghadapi keadaan kehidupan yang dijaga dan dipelihara oleh ibunya sahaja setelah berlaku perceraian atau sebagainya antara ibu dengan bapanya.

### **1.4. Kaedah Kajian**

Menghadapi permasalahan seperti dirumuskan di atas, maka analisis yang akan ditempuh adalah analitis diskriptif dan jenis kajian perpustakaan. Tahapan tahapannya dibagi kepada dua tahap utama iaitu:

#### **1.4.1. Tahap pertama**

Dalam tahapan ini diadakan penelitian bagi memperoleh rujukan yang

sebanyak mungkin tentang pendapat dan konsep empat mazhab yang membincangkan tatacara perkahwinan yang sah dalam syari'at Islam dan tidak terlepas daripada rujukan yang sangat utama iaitu al-Qur'an dan hadīth Nabi s.a.w. Kegiatan ini dilakukan dengan cara membaca dan mengkaji kitab-kitab fiqh yang berkenaan. Rujukan daripada kitab-kitab tersebut dibagi kepada dua kelompok yaitu:

#### 1.4.1.1. Rujukan primer

Rujukan primer ini akan menggunakan kitab-kitab fiqh khas yang membincangkan pendapat bagi setiap mazhab. Bagi mazhab Ḥanafi digunakan kitab Radd al-Muhtār oleh Ibn Ḩābidīn, al-Mabsūt oleh Syams al-Dīn al-Sarkhasīy, Syarḥ Fath al-Qadīr oleh Ibn al-Hammām, al-Bahr al-Rā'iq oleh Ibn Nujaym, Badā'i al-Ṣanā'i Fī Tartībi al-Syarā'i oleh al-Kāsāniy. Bagi mazhab Maliki kitab yang digunakan adalah Qurrat al-‘Aynī oleh Muḥammad ‘Alī, Ḫusayn al-Malikīy, Ḫāsyiyat al-Dusūqīy oleh Syams al-Dīn al-Dusūqīy. ‘Ashal al-Madārik Syarḥ Irsyād al-Salīk Fī Fiqh Imām al-A’immat Mālik oleh Abī Bakar bin Hasan al-Kisynāwīy. Bagi mazhab Syafī'i akan digunakan kitab Mughnī al-Muhtāj oleh Muḥammad bin al-Khatīb al-Syarbaynīy, Tuhfat al-Muhtāj Bi Syarḥ al-Minhāj oleh Ibn Hajar al-Haytamīy, al-Sirāj al-Wahhāj oleh Muḥammad al-Zuhriy al-Ghamrawīy, al-Um Kitab al-Sya'bi oleh Muḥammad bin Idrīs al-Syafīy, al-Syarqāwīy ‘Alā al-Tahrīr oleh al-Syarqāwīy, al-Fatāwā al-Kubrā oleh Ibn Hajar al-Haytamīy, Nihāyat

al-Muhtāj Ilā Syarḥ al-Minhāj oleh Ibn Syihāb al-Dīn al-Ramliy. Bagi mazhab Hanbali akan digunakan kitab Kasysyāf al-Qinā<sup>c</sup> An Matan al-'Iqna<sup>c</sup> oleh Idrīs al-Buhūtiy, al-Mughniy oleh Ibn Qudāmat, Maṇār al-Sabil Fi Syarḥ al-Dalīl oleh Ibrāhīm bin Muhammād bin Sālim bin Dawyān.

#### 1.4.1.2. Rujukan sekunder

Rujukan sekunder ini akan menggunakan kitab-kitab fiqh yang membicangkan muqāranat madhahib (perbandingan mazhab), antara kitab-kitab itu adalah Madhāhib al-Arba<sup>a</sup>at oleh al-Jaziriy, Bidāyat al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtasid oleh Ibn Rusyd, Fiqh al-Sunnat oleh al-Sayyid Sābiq, al-Fiqh al-Islāmiy Wa Adillatuh oleh Wahbat al-Zuhayliy, Hukum Perkawinan Dalam Islam oleh Prof. Dr. H. Mahmud Yunus, Muḥādarāt Fi 'Aqd al-Zawāj Wa Ḵathāruh oleh Muhammad Abū Zahrat.

Di samping itu akan digunakan juga bahan rujukan lain yang terdiri daripada kitab-kitab fiqh sama ada yang berbahasa Arab atau yang berbahasa Melayu yang ada hubung kait dengan tajuk. Setelah pendapat-pendapat tersebut terkumpul akan dianalisis dengan cara membandingkan antara satu sama lain. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai bahan bagi mengetahui dan menguji serta

mentarjihkan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat oleh setiap mazhab untuk menetapkan rukun-rukun dan syarat-syarat perkahwinan dan untuk mendapatkan pandangan empat mazhab tentang urutan wali yang boleh diterima bagi sesuatu perkahwinan.

#### 1.4.2. Tahap kedua

Dalam tahapan ini dilakukan pengkajian terhadap alasan-alasan atau dalil-dalil yang digunakan oleh ke empat-empat mazhab. Alasan dan dalil-dalil tersebut diteliti melalui kitab-kitab *fiqh* yang disebutkan di atas. Kegiatan ini dimaksudkan bagi mengetahui alasan-alasan yang digunakan oleh ke empat-empat mazhab dan cara memahaminya, hingga pada kesimpulan seperti yang tersebut pada tujuan utama pengkajian.

Di samping itu juga, pada tahap kedua ini akan dilakukan pengkajian terhadap kitab-kitab tafsir dan syarah kitab-kitab *hadith* yang ada hubung kaitnya dengan dalil-dalil yang digunakan oleh ke empat-empat mazhab. Dalam hal (pendapat-pendapat empat mazhab) yang dihuraikan oleh ulama tafsir dan ulama *hadith* di sini pendapat mereka tidak dipegang secara langsung tetapi dirujuk kembali pada mazhab yang berkenaan.

Kegiatan ini dimaksudkan bagi mengetahui cara dalil-dalil tersebut difahami dan kesimpulan-kesimpulan yang pernah dibuat oleh ulama tafsir dan *hadith* untuk menjadi bahan perbandingan dengan alasan yang

dikemukakan oleh ke empat-empat mazhab. Bagi tujuan ini dipilih beberapa kitab tafsir dengan memberikan perhatian pada kitab-kitab tafsir yang menekankan tentang perkembangan pemikiran dan kefahaman. Kitab-kitab tafsir tersebut iaitu: al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'ān atau disebut Tafsīr al-Qurtubīy oleh al-Qurtubīy, Jāmi' al-Bayān 'An Ta'wil Āy al-Qur'ān atau disebut Tafsīr al-Tabariy oleh Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Tabariy, al-Kasisyāf atau disebut Tafsīr al-Zamakhsyariy oleh al-Zamakhsyariy, Maḥāsin al-Ta'wil atau disebut Tafsīr al-Qāsimiy oleh Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimiy, Ahkām al-Qur'ān atau disebut Tafsīr al-Jassās oleh al-Jassās dan Tafsīr al-Manār oleh Muḥammad Rasyid Ridā, Ahkām al-Qur'ān oleh Ibn Al-Ārabīy, digunakan tafsir-tafsir ini dengan pertimbangan bahawa huraian-huraian mereka dapat mencakupi ke empat-empat mazhab yang dikaji. Di samping itu digunakan juga tafsir-tafsir lain yang dianggap perlu sebagai penunjang iaitu Tafsīr al-Qur'ān al-Āzīm atau disebut Tafsīr Ibn Kathīr oleh Ibn Kathīr, Tafsīr Āyat al-Ahkām atau disebut Tafsīr al-Sabūniy oleh Muḥammad 'Alī al-Sabūniy dan Tafsīr Āyat al-Ahkām oleh Muḥammad 'Alī al-Sāyis.

Mengenai ḥadīth-hadīth ditentukan pada kutub al-sittat<sup>13</sup> dan syarah-syarahnya sepanjang yang diperoleh dan ditambah dengan kitab Muwaṭṭa' Imām Mālik, al-Sunan al-Kubrā oleh al-Baihaqīy dan Musnad Imām Ahmad.

<sup>13</sup> Kutub al-sittat adalah enam kitab kumpulan ḥadīth yang sangat dihargai dalam kalangan sunni, keenam-enam kitab tersebut sangat masyhur dengan nisbah kepada penghimpunnya, iaitu; Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy disyarahkan oleh al-Āṣqalāniy, al-Āyniy dan al-Qastalāniy, Ṣaḥīḥ Muslim disyarahkan oleh al-Nawawiy, Sunan Abī Dāwud disyarahkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyāt dan al-Āzīm Abādīy, Sunan al-Nasā'iyy disyarahkan oleh al-Suyūtiy dan al-Sindiy, Sunan al-Tirmidhiy disyarahkan oleh al-Mubārakfūriy, Sunan Ibn Majāt disyarahkan oleh al-Suyūtiy.

Ayat-ayat utama yang akan dikaji ialah ayat 221, 230, 232 serta 234 di dalam surat al-Baqarat dan ayat 32 surat al-Nur. Daripada hadith pula, iaitu hadith-hadith yang berkait dengan masalah wali perkahwinan. Adapun hadith-hadith yang kaitannya agak kurang langsung dengan perwalian perkahwinan, dititikberatkan juga sekiranya perlu sebagai sokongan kepada hujah atau sebagainya.

Sesuai dengan yang telah diuraikan di atas, maka penulis juga menempuh analisis yang bersifat analitis komparatif (perbandingan). Segala yang telah dikumpul dan dianalisis akan dirumuskan sebagai dapatan tesis yang akan dikaji.

Dalam kajian ini, dalil-dalil yang dibincangkan bagi mengukuh suatu hujah, diberikan keutamaan pada ayat-ayat al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w. dan dalil-dalil tersebut dikenali sebagai nās.<sup>14</sup> Adapun dalil-dalil lain (qiyās, istihsān, masālih al-mursalat, istishāb, 'urf dan seterusnya) akan dianggap sebagai pola istinbāt (cara pengambilan dan pemahaman hukum).<sup>15</sup> Selanjutnya pola-pola pemahaman ini dibezakan dalam tiga kelompok iaitu; (a) pola pemahaman bayāni, (b) pola

<sup>14</sup> Secara harfiyah dalil bererti "petunjuk jalan". Secara teknis dalil adalah segala sesuatu yang dapat memberikan pengetahuan tentang apa yang dicari. Al-Qur'an dan hadith disebut dalil kerana kedua-duanya merupakan petunjuk bagi mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Allah tentang hukum taklifi yang dibebankannya kepada manusia. Nas secara harfiyah bermakna "sesuatu yang jelas", sedangkan secara teknis bermakna "perintah yang jelas" yang berkaitan dengan sesuatu masalah tertentu yang tertulis secara nyata di dalam al-Qur'an dan hadith, lebih lanjut lihat Ahmad Hasan (1984) *Pintu Ijtihad Sebelum Tertutup*. Terjemahan Agah Garnadi. Bandung: Pustaka, ms. 110; al-Āmidiy (1307/H/1967M). *Al-Ihkām Fi Usūl al-Ahkām*. Jilid I. Kaherah: 'Alī Subeih, ms. 8

<sup>15</sup> Kata istinbāt secara harfiyah bermakna deduktif (pengambilan kesimpulan), namun sering juga digunakan dalam erti pemahaman secara am, dalam tulisan ini erti yang terakhir yang dipilih, lihat Dr. Al Yasa Abu Bakar, M.A. (1989). *Ahli Waris Sepertalian Darah*. Yogyakarta: IAIN Sunan Kali Jaga, ms. 14.

pemahaman ta‘lili, (c) pola pemahaman istislāhi.<sup>16</sup>

Pola pemahaman bayāni adalah pemahaman yang pada dasarnya bertumpu pada kaedah-kaedah kebahasaan (semantik). Antara lain dibincangkan keluasan dan kesempitan cakupan makna kata, makna-makna amar (perintah) dan nahi (larangan) dan seterusnya.<sup>17</sup>

Pola pemahaman ta‘lili adalah pemahaman yang berusaha melihat perkara yang melatarbelakangi ketentuan dalam al-Qur‘ān dan ḥadīth atau perkara yang menjadi ‘illat daripada sesuatu perbuatan. Di dalam al-Qur‘ān dan ḥadīth sendiri ada ketentuan yang secara tegas disebutkan ‘illatnya, ada yang diisyaratkan sahaja dan ada juga yang tidak disebutkan ‘illatnya sama sekali, sehingga ada yang dapat dikesan melalui perenungan dan ada juga yang tetap gelap sampai sekarang belum terungkap.<sup>18</sup>

Pola pemahaman istislāhi merupakan pemahaman yang menggunakan ayat-ayat al-Qur‘ān dan ḥadīth-hadīth yang mengandungi “konsep-konsep am” sebagai dalil atau sandarannya. Biasanya pola pemahaman istislāhi ini digunakan kalau perkara yang akan dikenal pasti tersebut tidak dapat dirujuk kepada sesuatu ayat atau ḥadīth tertentu secara khas, tetapi merujuknya kepada gabungan antara kedua-duanya. Dengan kata lain pemahaman ini berusaha mendeduksi (membuat kesimpulan) tujuan-tujuan am syari‘at daripada ayat-ayat al-Qur‘ān dan ḥadīth-hadīth Rasulullah s.a.w., serta menyusun kategori-kategorinya (penggolongan), bagi menentukan tingkat keutamaan

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Ibid. ms. 15.

ketentuan-ketentuan hukum untuk perkara-perkara baru.<sup>19</sup> Dari pada tujuan syari'at para ulama telah membuat tiga kategori dengan urutan keutamaannya seperti berikut: (a) melindungi keperluan asas daripada manusia atau disebut dengan darūriyyat, (b) melindungi keperluan primer atau disebut dengan ḥajiyat, (c) melindungi keperluan sekunder atau disebut dengan tahsiniyyat.<sup>20</sup>

Maksud darūriyyat adalah hal-hal yang merupakan asas kehidupan manusia yang mesti ada demi keselamatan mereka. Ertinya apabila asas-asan itu tidak ada, kehidupan mereka menjadi kacau dan kemaslahatan tidak tercapai. Keperluan darūriyyat itu mencakupi pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Maksud ḥajiyat ialah hal-hal yang sangat diperlukan oleh manusia bagi menghilangkan kesukaran-kesukaran dan menolak halangan, ini bermakna sekiranya hal-hal tersebut tidak ada, maka tidak sampai membawa kehidupan manusia menjadi kacau kecuali hanya sekadar membuat kesukaran dan kesusahan sahaja. Contoh keperluan manusia pada kenderaan dan seterusnya. Yang dimaksud dengan tahsiniyyat iaitu tindakan dan sifat yang mesti dimiliki oleh seseorang (*al-akhlāq al-karīmat*) bagi menuju ke arah kesempurnaan.<sup>21</sup>

Merujuk pada huraihan-huraian di atas dapat dinyatakan bahawa dalam pola pemahaman *istiṣlāhi* dalil-dalil *māṣilah al-mursalat*, *‘urf* dan *istishāb* telah termasuk ke

<sup>19</sup> Ibid, ms. 19

<sup>20</sup> Muhammad Abū Zahral (T.T.). *Uṣūl Fiqh*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, ms. 70; Prof. Dr. Mukhtar Yahya & Prof. Drs. Fatchurrahman (1986). *Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islam*. Bandung: PT. Alma‘arif, ms. 333-336.

<sup>21</sup> Ibid.

dalamnya.

Maksud masālih al-mursalat ialah cara pengambilan/pemahaman hukum sesuatu hal yang tidak didapati ketentuannya sama ada dalam al-Qur'an atau dalam hadith mengikut kemaslahatan masyarakat dan kepentingan am. Contoh; mencetak mata wang yang digunakan di sesebuah negeri.<sup>22</sup> Maksud 'urf ialah adat kebiasaan dalam masyarakat yang tidak bercanggah dengan syari'at Islam yang diberi perakuan terhadapnya dan terus menerus berlaku dalam masyarakat berkenaan.<sup>23</sup> Contohnya meminang wanita dengan memberikan sebuah tanda pengikat (pertunangan), pembayaran mas kahwin secara tunai (kontan) atau berhutang mengikut persetujuan kedua belah pihak.<sup>24</sup> Yang dimaksudkan dengan istishāb adalah menetapkan hukum sesuatu hal mengikut keadaan yang terjadi sebelumnya, sampai ada dalil lain yang mengubahnya. Dengan perkataan lain dapat dikatakan bahawa istishāb adalah meneruskan berlakunya hukum yang ada kerana belum ada ketentuan lain yang membatkalkannya. Contoh; Ahmad mengahwini Fatimah secara sah, kemudian Ahmad meninggalkan isterinya tanpa menceraikannya selama 10 tahun. Jalal berhasrat hendak mengahwini Fatimah yang menurut realitinya tidak bersuami. Perkahwinan Jalal dengan Fatimah ini tidak dapat dilangsungkan, kerana Fatimah menurut kedudukan hukumnya adalah isteri kepada Ahmad. Setakat tidak ada bukti bahawa Fatimah telah dicerai secara sah oleh Ahmad, maka tetaplah Fatimah berkedudukan sebagai isteri

<sup>22</sup> Prof. H. Muhammad Daud Ali (T.T.). *Asas-Asas Hukum Islam*. Jilid 1, Jakarta: Rajawali Pers, ms. 108.

<sup>23</sup> Ibid. ms. 110; Prof. Dr. Muktar Yahya & Prof. Drs. Fatchurrahman, op. cit, ms. 109.

<sup>24</sup> Prof. H. Muhammad Daud Ali, op. cit, ms. 110.

kepada Ahmad seperti semula.<sup>25</sup>

Apabila diperhatikan hasil-hasil istinbāt yang dilakukan oleh para ulama, akan terlihat bahawa pemahaman bayāni cenderung tidak memerhatikan keadaan sosial dan perkembangan masyarakat, sedangkan pemahaman ta‘lili dan istiṣlāhi lebih banyak memerhatikan keadaan sosial dan perkembangan masyarakat, sehingga kadang-kadang hasil istinbātnya berbeza dengan erti harfiyah nāṣ (terjemahan perkataan nāṣ secara bersendirian).

Akhirnya perlu dicatat bahawa ketiga-tiga pola pemahaman di atas tidaklah terpisah antara satu sama lain. Ketiga-tiganya saling berhubungan iaitu pola pemahaman kedua perlu memahami pola pertama dan bagi pola ketiga perlu memahami dua pola yang sebelumnya, dan bagi pola yang pertama pun tetap memerlukan dua pola yang di bawahnya.

Adapun dalam penulisan tesis ini penulis menggunakan buku-buku pedoman penulisan tesis, antaranya: Panduan Penyediaan Tesis Ijazah Tinggi yang dikeluarkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM), edisi keenam tahun 1995, Panduan Menulis Tesis oleh Samaruddin Rejab dan Nazri Abdullah yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur 1992. Mengenai sistem (cara) transliterasi perkataan Arab; sama ada perkataan Arab yang dipindahkan ke dalam perkataan Melayu atau perkataan Arab yang tidak dimelayukan, pada perkataan yang telah dimelayukan tiada apa-apa perubahan. Manakala perkataan

---

<sup>25</sup> Prof. Dr. Mukhtar Yahya & Prof. Drs. Fatchurrahman, op. cit, ms. 111.

Arab yang tidak dimelayukan ditulis menurut kaedah penulisan bukan didasarkan kepada bunyi, contoh; ar-Rahmān transliterasinya menjadi al-Rahmān, begitulah seterusnya. Bagi tujuan ini penulis merujuk kepada transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur, 1984. Dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an penulis berpedoman kepada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an yang diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

### 1.5. Skop Kajian

Skop kajian ini mencakupi semua rukun dan syarat-syarat perkahwinan menurut empat mazhab, namun demikian perhatian pokok lebih diarahkan kepada isu perwalian perkahwinan.

Yang dimaksudkan dengan empat mazhab, yang terdapat pada tajuk adalah mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Tiga mazhab yang terakhir disebutkan (Maliki, Syafi'i dan Hanbali) terdapat banyak persamaan pendapat dalam pembahasan antara mereka, maka dalam huraian-huraian selanjutnya akan disebut dengan jumhur ulama, kecuali dalam hal-hal yang berbeza akan disebut mazhab masing-masing.

## **1.6. Organisasi Kajian**

Penulis membahagikan kajian ini kepada lima bab:

### **Bab 1. Pendahuluan**

Bab ini membincangkan tentang perkara-perkara utama yang akan dikaji dan kaedah yang akan digunakan. Antara perkara yang dihuraikan iaitu, latar belakang kajian, kepentingan kajian, tujuan kajian, kaedah kajian, skop **kajian, dan organisasi kajian.**

### **Bab 2. Rukun Dan Syarat Perkahwinan Menurut Pandangan Empat Mazhab**

Bab ini menghuraikan rukun-rukun, syarat-syarat perkahwinan dan maksud perkahwinan.

### **Bab 3. Perwalian Perkahwinan Dalam Islam**

Bab ini akan membentangkan hikmah perwalian dalam perkahwinan, fungsi wali dan urutan wali.

### **Bab 4. Pendapat Empat Mazhab Tentang Wanita Sebagai Wali Perkahwinan**

Bab ini akan membincangkan hujah bagi pendapat yang tidak mengharuskan wanita menjadi wali dalam perkahwinan dan hujah bagi pendapat yang mengharuskan wanita menjadi wali dalam perkahwinan, serta rumusan-rumusan daripada mufassirūn (ulama-ulama tafsīr) dan muhaddithūn (ulama-ulama ḥadīth).

## **Bab 5. Penutup**

Bab ini menghuraikan beberapa kesimpulan yang dicapai sebagai hasil kajian dalam bab-bab yang terdahulu, dan bab ini juga akan mengajukan beberapa saranan.

## BAB DUA

### RUKUN DAN SYARAT PERKAHWINAN MENURUT PANDANGAN EMPAT MAZHAB

Sesuatu perkahwinan baru dianggap sah apabila telah sempurna rukun dan syarat-syaratnya. Sekiranya salah satu rukun atau syarat tidak dipenuhi maka perkahwinan tersebut tidak sah. Hal ini bermakna perkahwinan itu dianggap belum pernah terjadi, sama ada dalam kenyataan atau dalam erti hukum.<sup>1</sup>

#### 2.1. Rukun Perkahwinan

Rukun perkahwinan bermaksud sesuatu yang mesti ada dalam sesuatu perkahwinan dan merupakan hakikat daripada perkahwinan itu sendiri, dan apabila ia tidak dipenuhi mengakibatkan batalnya sesuatu perkahwinan.<sup>2</sup>

Untuk melaksanakan suatu perkahwinan mestilah dilengkapi rukun-rukunnya. Rukun-rukun perkahwinan tersebut adalah:

##### 2.1.1 Sighat

Sighat adalah pernyataan bersetuju yang diucapkan oleh pihak calon

---

<sup>1</sup> Lihat, DR. Peunoh Daly (1989). *Hukum Perkawinan Islam*. Selangor, Malaysia: Thinkers Library Sdn Bhd., ms. 125; Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris (1994). *Hukum-Hukum Perkahwinan & Kekeluargaan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, ms. 157.

<sup>2</sup> Lihat, Prof. DR. Mahmud Yunus (1983M/1403H). *Hukum Perkawinan Dalam Islam*. Jakarta: PT. Hida Karya Agung, ms. 15.

suami isteri pada waktu dilakukan akad perkahwinan bagi mengikat hidup berkeluarga. Pernyataan pertama yang diucapkan (daripada pihak isteri) untuk menunjukkan kemahanan bagi membentuk hubungan suami isteri disebut dengan *ijāb*, sedang pernyataan kedua (daripada pihak suami) bagi menyatakan bersetuju terhadap pernyataan daripada pihak pertama disebut dengan *qabūl*.<sup>3</sup>

Ulama empat mazhab sepakat menetapkan bahawa *sighat* (*ijāb* dan *qabūl*) merupakan rukun perkahwinan yang paling utama,<sup>4</sup> bahkan mazhab Hanafi menegaskan bahawa *sighat* tersebut satu-satunya rukun dalam perkahwinan.<sup>5</sup>

### 2.1.2. Calon suami

Ulama empat mazhab berbeza pendapat dalam menentukan kedudukan calon suami sama ada ia sebagai rukun perkahwinan atau sebagai syarat perkahwinan.

### 2.1.3. Calon Isteri

Terhadap kedudukan calon isteri, ulama empat mazhab juga berbeza

---

<sup>3</sup> Al-Sayyid Sābiq (1403H/1983M). *Fiqh al-Sunnat*. Jilid 6. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 29.

<sup>4</sup> Al-Kāsāniy (T.T.). *Bada'i' al-Šanā'i'*. Jilid 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, ms. 229; Muḥammad Ḥasan bin Ḥusayn (1356H/1963M). *Qurrat al-'Aynī*, Mesir: Maktabat al-Tijāriyyat al-Kubrā, ms. 106; Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Syarbaynīy (1415H/1995M). *Mughnī al-Muḥtāj*. Jilid 3. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 180; Ibrāhīm bin Muḥammad bin Sālim bin Ḏawiyān (1410H/1989M), *Manār al-Sabil Fi Syarh al-Dalīl*. Jilid 2. Beirut: al-Maktabat al-Islāmiy, ms. 146.

<sup>5</sup> Al-Kāsāniy, loc. cit.

pendapat, sama halnya dengan perbezaan pendapat mereka tentang kedudukan calon suami sepetimana telah tersebut di atas.

Mazhab Hanafi berpendapat bahawa calon suami sebagai syarat sah perkahwinan.<sup>6</sup> Sedangkan mazhab Maliki dan Syafi'i memandangnya sebagai rukun perkahwinan,<sup>7</sup> kecuali mazhab Hanbali yang menegaskan bahawa rukun perkahwinan itu ada tiga (calon suami isteri, ijāb dan qabūl).<sup>8</sup>

Dalam hal ini menurut penulis kedua-dua pendapat di atas setara kerana masing-masing tidak mengemukakan dalil yang khas sama ada daripada al-Qur'an atau hadīth dalam perkara tersebut. Di samping itu pula calon suami dan calon isteri merupakan hal yang asasi sebab mereka lahir sebagai punca sesuatu perkahwinan. Oleh itu calon suami dan calon isteri dipandang sebagai rukun perkahwinan atau syarat sahnya.

#### **2.1.4. Dua orang saksi**

Ulama empat mazhab berbeza pendapat dalam menetapkan kedudukan dua orang saksi dalam perkahwinan sama ada sebagai syarat ataupun rukun perkahwinan.

---

<sup>6</sup> Ibid, ms. 232.

<sup>7</sup> Muhammad 'Alī bin Husayn, op. cit, ms. 107, Muhammad bin al-Khaṭīb al-Syarbaynīy, loc. cit.

<sup>8</sup> Idrīs al-Buhūtīy (1402H/1982M). *Kusysyāf al-Qinā'c 'An Matan al-Iqna'*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 37.

Mazhab Hanafi dan Hanbali memasukkannya ke dalam syarat sah perkahwinan.<sup>9</sup> Mazhab Maliki tidak menganggapnya sebagai rukun dan syarat sah perkahwinan dan menurut mereka sahnya sesuatu perkahwinan cukup dengan memberi tahu kepada orang ramai walaupun yang hadir budak-budak kecil dan orang gila.<sup>10</sup> Dan menurut mereka hadirnya saksi pada waktu akad perkahwinan hukumnya sunat sahaja.<sup>11</sup> Pendapat ini berasaskan dengan ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibn Mājāt yang bersumber dari Ḥāfiẓ Ḥasan ibn Ḥanbal r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

أَعْلَمُوا هذَا النِّكَاحُ وَاضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالْغَرَبَالِ

Bermaksud: “Beritahukanlah perkahwinan dan pukullah rebana pada majlis itu.”<sup>12</sup>

Mazhab Syafi‘i pula berpendapat bahawa dua orang saksi sebagai rukun perkahwinan.<sup>13</sup> Yang menjadi alasan bagi ulama-ulama mazhab yang menganggap dua orang saksi sebagai rukun dan syarat sah perkahwinan adalah ḥadīth yang diriwayatkan oleh Bayhaqī yang bersumber daripada Ibn ‘Abbās r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:

---

<sup>9</sup> Al-Kāṣāniyy, op. cit, ms. 525; Idris al-Buhūtiyy, op. cit, ms. 65.

<sup>10</sup> Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn, Loc. cit; al-Sarkhasīy (1409H/1989M). *Al-Mabsūt*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Ma‘rifat, ms. 30-31.

<sup>11</sup> Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn, loc. cit.

<sup>12</sup> Ibn Mājāt (T.T.). *Sunan Ibn Mājāt*. Jilid 1. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 611.

<sup>13</sup> Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Syarbaynīy, loc. cit.

## لَا يَحِلُّ لِلْأَبْوَابِ مَرْشِدٌ وَشَاهِدٌ عَدْلٌ

Bermaksud: "Tidak sah kahwin kecuali dengan wali dan dua orang saksi yang adil."<sup>14</sup>

Dalam hal ini penulis memandang pendapat yang terkuat adalah pendapat jumhur ulama yang menyatakan bahawa saksi merupakan rukun atau syarat sah perkahwinan, sebab dua orang yang dilantik sebagai saksi sudah dipersiap sebelum akad pekahwinan, sehingga kesaksian mereka lebih terpelihara berbanding kalau kesaksian perkahwinan hanya melalui persaksian yang dihadiri oleh orang ramai (seperti pendapat Maliki), nampaknya keadaan seperti ini kurang terjamin bagi memberi suatu kepastikan hukum terhadap kesaksian.

Pada zaman moden sekarang ini tidak cukup dengan kesaksian manusia sahaja, melainkan mesti disertai surat keterangan daripada qādi, walaupun surat keterangan itu tidak menjadi syarat atau rukun perkahwinan, tetapi faedahnya sangat besar kerana apabila suami isteri memerlukan bukti tentang perkahwinan mereka, cukuplah surat keterangan tadi sebagai bukti bagi perkahwinan itu dan tidak perlu menghadirkan lagi dua orang saksi yang kadang kala sukar bagi mengemukakannya kerana berjauhan tempat atau berhalangan untuk hadir bagi memberi kesaksian bahkan kadang-kadang dua orang yang pernah menjadi saksi itu sudah meninggal dunia.

---

<sup>14</sup> Al-Bayhaqī (T.T.). *Al-Sunan al-Kubrā*. Jilid 7. Beirut: Dār al-Fikr, ms. 112.

Bersetujuan dengan pendapat penulis seperti yang diuraikan di atas, al-Sayyid Sābiq menjelaskan bahawa walaupun ḥadīth-ḥadīth tentang kesaksian perkahwinan itu dinilai dhaif tetapi kerana ḥadīth-ḥadīth itu saling menguatkan sesamanya, maka ia menjadi kuat dan hal ini menjadi amalan dalam kalangan para sahabat Nabi s.a.w., begitu pula tabi'in selepas mereka.<sup>15</sup>

Kuat atau lemahnya dalil yang mereka pegangi dan perbezaan dalil yang mereka gunakan dalam menyokong pendapatnya masing-masing, mengakibatkan terdapat perbezaan pendapat dalam melihat kedudukan saksi dalam perkahwinan. Tetapi apabila memerhatikan kedua-dua pendapat tersebut, terdapat kesamaan tujuan dalam usaha menjaga kemaslahatan sama ada dua orang saksi atau maklumat perkahwinan, kerana kedua-dua hal tersebut sama-sama bertujuan supaya pelaksanaan perkahwinan mesti diketahui oleh pihak-pihak selain yang berkepentingan (suami dan isteri) dengan pertimbangan agar kedua-dua belah pihak tidak mudah mengingkari perkahwinan itu, terutama bila ada sanggahan terhadap anak dan keturunan kemudian hari.

#### 2.1.5. Mas kahwin (mahar)

Mahar adalah pemberian suami kepada isteri berkait dengan pelaksanaan akad perkahwinan.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Al-Sayyid Sābiq, op. cit, ms. 49.

<sup>16</sup> Muhammad Abū Zahrat (T.T.). *Al-Ahwāl al-Syakhsiyyat*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, ms. 195.